

Dana RM59 juta perluas lorong khas bas, beli DRT

Putrajaya: Kerajaan meluluskan dan menyalurkan peruntukan RM50 juta bagi pelaksanaan perluasan lorong khas bas, termasuk pembelian 100 unit van transit atas permintaan (DRT) di Lembah Klang bermula September tahun ini, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan dan Kesesakan Jalan Raya (JKMKJR) berkata, kajian menunjukkan pelaksanaan Lorong Khas Bas Prasa-

rana di Jalan Ampang dan Genting Klang sejak 3 Julai tahun lalu menunjukkan maklum balas menggalakkan dari segi penjimatan masa.

“Data menunjukkan berlaku penjimatan masa sehingga 18 minit bagi perjalanan bas di lokasi (destinasi-ke-destinasi) dan susulan penjimatan itu, berlaku penambahan jumlah penumpang secara harian 20 hingga 45 peratus.

“Dengan keberkesanan pengurangan masa perjalanan itu, peningkatan kekerapan bas dan jumlah penumpang harian, me-

syuarat JKMKJR memutuskan untuk mengekalkan laluan khas bas Jalan Ampang dan Jalan Genting Klang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu, semalam.

Mesyuarat turut bersetuju memperluaskan laluan bas khas ke Jalan Klang Lama bermula Jun depan, selain melaksanakan kajian bagi pelaksanaan lorong bas di Jalan Cheras (Taman Connaught - Jalan Pudu) serta Lebuhraya Persekutuan (Pusat Bandar Kuala Lum-

pur - Persimpangan Shah Alam).

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, mesyuarat memutuskan untuk melaksanakan sistem penyuraian baharu secara berperingkat untuk lokasi kritikal kesesakan.

Katanya, ia akan dilaksanakan selepas makluman daripada pihak polis, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

“Kerajaan juga melaksanakan laluan kontra bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas khususnya di

waktu puncak.

“Kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menunjukkan 88 peratus pengguna lebuhraya yang ditemui bersetuju laluan kontra berkesan dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas.

“Mesyuarat bersetuju mempertingkatkan penguatkuasaan dan langkah pengoperasian bagi mengelak isu seperti insiden kemalangan hasil pemasangan kon dan penambahan pencahayaan ketika waktu hujan dan gelap,” katanya.